



**KOPERASI PESERTA
FELCRA SEBERANG PERAK BHD**

كُوْفَرَا سِي قَسْرَتَا فَيْلَا كَرَا سَبِيْعٌ فَيَرَا قَ بَرَحَدَّ

**KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN
FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD** (KOOP 207 (PK))

Lot 04217, Coop Business Centre, Lebuhr Paduka, Felcra Bandar Seberang Perak, 36800 Kg Gajah, Perak

Tel : 05-655 8101 / 8102 / 8103 / 8104

Fax : 05-655 8100

Email : admin@coopseberangperak.com.my

Web : www.coopseberangperak.com.my

Bil : (24) KPPRFSPB (01-03) MAT 33

19 Muharram 1442H

07 September 2020

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan/Puan ,

Anggota-anggota ,

Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 33, TAHUN 2020.

- Layak Hadir Mesyuarat

Berhubung dengan perkara di atas dan mematuhi Perkara 28 (1) Undang-undang Kecil Koperasi **DENGAN INI DIBERITAHU KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI** bahawa mesyuarat tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti di bawah :

Tarikh : **29hb. September 2020 (Selasa)**
Masa : **08.00 pagi**
Tempat : **Dewan Besar,
FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak,
36800 Kg Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

2. Namun begitu tuan/puan digalakkan melayari laman web koperasi di www.coopseberangperak.com.my atau laman facebook rasmi koperasi @coopseberangperak untuk mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan disarankan 3 hari sebelum mesyuarat berlangsung.

3. Perkara-perkara yang perlu diambil perhatian tuan/puan adalah sebagaimana berikut :

a) Pendaftaran Kehadiran Anggota Secara Sistem Elektronik

Koperasi akan menyediakan Kaunter Pendaftaran Secara Elektronik. Anggota yang berumur 18 tahun hingga 74 tahun dan sihat tubuh badan layak hadir ke mesyuarat. **Diwajibkan** membawa **Kad Pengenalan/Mykad** serta **Pelitup Muka (face mask)**.

b) Borang Maklumat Anggota Uzur Kritikal

Bagi anggota yang berumur 18 tahun hingga 74 tahun, jika uzur **TIDAK DIBENARKAN** hadir ke mesyuarat agung. Pihak Koperasi akan menyediakan borang maklumat untuk pengesahan oleh Ketua Fasa @ Ketua Peserta. **Borang Maklumat Anggota Uzur** akan dibekalkan melalui Ketua Fasa @ Ketua Peserta @ boleh diperolehi di Pejabat Koperasi. Diminta borang ini dihantar ke Pejabat Koperasi sebelum atau pada 21 September 2020.

Mereka yang layak bagi kategori anggota uzur ini akan diberikan sumbangan oleh koperasi secara penghantaran terus ke rumah anggota tersebut.

c) Elaun Kehadiran Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 33

Elaun kehadiran mesyuarat agung akan dibayar semasa pendaftaran bagi anggota yang sah sahaja. Wakil tidak dibenarkan mendaftar bagi pihak anggota dan tidak layak menerima elaun kehadiran.

d) Proses Pengundian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi sesi Perkhidmatan 2020-2023

Tiada proses pengundian.

e) Buku Laporan Tahunan/Penyata Kewangan Tahunan & Agenda Mesyuarat Agung

Sila bawa bersama dokumen/laporan di atas yang telah diedarkan bersama notis ini semasa mesyuarat berlangsung. Urusetia mesyuarat tidak akan mengedarkan lagi dokumen tersebut semasa mesyuarat agung berlangsung.

f) Surat Pengiktirafan Cuti Tanpa Rekod

Anggota yang memerlukan surat Pengiktirafan Cuti Tanpa Rekod untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi boleh mengambil surat tersebut di pejabat koperasi atau muat turun di laman web rasmi koperasi iaitu www.coopseberangperak.com.my.

g) Prosedur Tetap Operasi (SOP) Pelaksanaan Mesyuarat Agung Sektor Koperasi

SOP Pelaksanaan Mesyuarat Agung Sektor Koperasi antaranya seperti berikut :

- i) Penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi

- ii) Peserta perlu membersihkan tangan (*hand sanitizer*) dan diwajibkan memakai pelitup muka (*face mask*)
- iii) Peserta yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 Celsius dan bergejala seperti batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas tidak dibenarkan hadir ke dewan mesyuarat.
- iv) Peserta uzur dan berpenyakit kritikal tidak dibenarkan hadir ke dewan mesyuarat.
- v) Maklumat lanjut mengenai SOP Pelaksanaan Mesyuarat Agung Sektor Koperasi sila rujuk di lampiran dalam Buku Laporan Tahunan @ laman web : www.mkn.gov.my .

4. Untuk makluman tuan/puan, Mesyuarat Agung Tahunan ini akan dihadiri oleh semua anggota koperasi dan ia tertakluk di bawah Seksyen 30 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan peraturan-peraturan, **menyatakan tiada wakil yang boleh mendaftar dan mengundi bagi pihak anggota.**

Sekian, terima kasih.

"CEKAP, BERKUALITI DAN MENGUNTUNGAN"

Yang benar,
KPR FELCRA SEBERANG PERAK BHD.



.....
(SHAMSUDDIN BIN YUSOF, PPT.)

Setiausaha Koperasi Sesi 2019/2020

- s.k
- Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak, Ipoh
 - Pengarah Bahagian Hal Ehwal Peserta Felcra Bhd, Kuala Lumpur
 - Pengurus Besar Wilayah Felcra Bhd. Negeri Perak, Ipoh
 - Tim. Pengurus Besar Wilayah Felcra Bhd. Seberang Perak merangkap Yang Dipertua Koperasi
 - Pengerusi KPR Felcra Seberang Perak Bhd.
 - Fail